

Penswastaan kunci bajet berimbang 2006

UM 16 SEP 2004

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Penswastaan merupakan antara kunci utama ke arah mencapai bajet berimbang seperti mana yang disasarkan kerajaan pada tahun 2006, kata badan Akauntan Awam Bertauliah (CPA) Australia.

Dengan melaksanakan lebih banyak proses penswastaan ke atas agensi-agensi yang dimiliki, kerajaan berupaya mengurangkan kos kerana 'menyerahkan' urusan yang mempunyai kepentingan ekonomi kepada mereka yang terlibat dengan dunia perniagaan, kata Naib Presidennya, Lam Kee Soon.

"Biarlah kerajaan hanya mentadbir dan menguruskan soal kebajikan rakyat dan ahli perniagaan pula menjalankan urusan perdagangan untuk memantapkan ekonomi negara," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media yang diadakan di sini, hari ini sempena Bajet 2004 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Jumaat lalu.

Sambil menyifatkan Bajet 2004 sebagai mampu mengorak langkah lebih jitu ke arah mencapai status negara maju, Lam menambah, pertumbuhan ekonomi haruslah dijana oleh sektor swasta.

Bajet 2004 menjurus kepada pertumbuhan ekonomi oleh pihak swasta dengan memberi penekanan kepada empat aspek penting termasuk pertumbuhan ekonomi mampan, pendidikan dan peluang pekerjaan, jelasnya.

Pada sidang akhbar yang sama, penasihat CPA di Malaysia, Lim Lai Seng berkata, rakyat negara ini harus mengambil kesempatan di atas dana pendidikan yang disediakan kerajaan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.

Beliau berkata, peningkatan ilmu pengetahuan agar Malaysia lebih berdaya saing dalam ekonomi global amat penting terutama dalam kemahiran yang bersifat teknikal seperti bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).